

27/01/1998

Perlis cari cara jual emas

KANGAR, Isnin - Kerajaan Perlis mengarahkan Pegawai Kewangan Negeri itu merujuk kepada Perbendaharaan berhubung mekanisme memudahkan orang ramai menjual emas.

Langkah itu bertujuan mendapatkan garis panduan atau kaedah terbaik membolehkan rakyat menyahut seruan kerajaan, di samping menjamin mereka tidak kerugian apabila berbuat demikian.

Ini kerana, melalui kemudahan sedia ada, orang ramai yang menjual emas kepada premis pajak gadai akan hanya dibayar 60 peratus daripada nilai sebenar barangan itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata Pegawai Kewangan negeri, Abdul Rahim Abdul diminta membincangkan perkara itu dengan Perbendaharaan, hari ini.

"Berikutan seruan Perdana Menteri supaya rakyat menyimpan wang di dalam bank serta menjual barang kemas untuk menambah kecairan, sudah ada tanda rakyat berbuat demikian, termasuk menjual dan menderma emas.

"Oleh itu, kerajaan negeri berpendapat perlu ada mekanisme yang baik untuk membolehkan dan memudahkan mereka menjual emas dengan mendapat pulangan sewajarnya," katanya kepada pemberita, di sini, hari ini.

Jumaat lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat bersikap lebih patriotik, terutama dalam usaha membantu kerajaan meningkatkan kecairan bagi menangani kegawatan ekonomi negara dengan lebih berkesan.

Serentak itu, Perdana Menteri meminta rakyat, selain meningkatkan simpanan di institusi kewangan tempatan; menjual barang kemas terutama oleh wanita; menjual harta yang dimiliki di luar negara; dan membawa balik tunai untuk dilabur.

(END)